

800 peniaga bantah sistem parkir berbayar

KEPONG - Seramai 800 pemilik premis Kepong Entrepreneurs Park di sini membantah sistem parkir berbayar yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di kawasan itu sejak awal tahun ini.

Wakil peniaga Lee Hoi Eng berkata, pelaksanaannya dilakukan tanpa mendapatkan pandangan atau perbincangan bersama pemegang taruh terlebih dahulu.

Menurutnya, mereka hanya mengetahui pelaksanaan sistem tersebut selepas penguatkuasaan kompaun dijalankan awal Januari lalu.

"Sudah keluar kompaun baru DBKL gantung kain rentang pemakluman pada Mac.

"Kami telah menghantar surat kepada DBKL memohon penjelasan tetapi sampai sekarang masih tiada maklum balas," katanya kepada *Sinar Ahad*.



Peniaga membantah sistem parkir berbayar di Kepong Entrepreneurs Park pada Sabtu.

Beliau yang juga Ketua Biro Aduan Parti Rakyat Malaysia (PRM) berkata, kawasan itu ditubuhkan sejak 1990 dan tidak pernah dikenakan caj.

Ujarnya, sistem tersebut cuba dilaksanakan pada 2000 dan

2015 namun campur tangan ahli Parlimen terdahulu berjaya membatalkan dasar tersebut.

"Jika ikut kepada perjanjian jual beli (SNP), kawasan ini merupakan industri ringan, kenapa mahu dinaik taraf menjadi komer-

sial sekarang?

"Jika mahu diubah menjadi komersial, banyak kilang-kilang seperti pembuatan besi dan bengkel perlu dipindahkan, tidak boleh lagi beroperasi di sini," katanya.

Tambahnya, pelaksanaan sistem baharu itu dianggap membebankan susulan pemilik premis sudah dikenakan pelbagai caj perniagaan tahunan termasuk lesen perniagaan, papan tanda dan cukai taksiran.